NO. KAD PENGENALAN | | | | | | - | | - | | | |

ANGKA GILIRAN | | | | | | | | |

NAMA ........................................................................................................ TINGKATAN ..........................

# MODUL PINTAS 2024

# TINGKATAN 5 3767/2

## EKONOMI

**Kertas 2**

2 jam 15 minit

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Tulis* **nombor kad pengenalan, angka giliran, nama** *dan* **tingkatan** *anda pada ruangan yang disediakan.*
2. *Kertas peperiksaan ini mengandungi* **dua** *bahagian*: **Bahagian A** *dan* **Bahagian B.**
3. *Jawab* **semua** *soalan dalam* **Bahagian A** *dan* **dua** *soalan daripada* **Bahagian B.**
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas peperiksaan ini.*
5. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
6. *Jika anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baharu.*
7. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*
8. *Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

| **Kegunaan Pemeriksa** | | | |
|---|---|---|---|
| Kod Pemeriksa : | | | |
| **Bahagian** | **Soalan** | **Markah Penuh** | **Markah Diperoleh** |
| **A** | **1** | 20 | |
| | **2** | 20 | |
| | **3** | 20 | |
| **B** | **4** | 20 | |
| | **5** | 20 | |
| | **6** | 20 | |
| | **7** | 20 | |
| **Jumlah** | | | |

Kertas peperiksaan ini mengandungi 20 halaman bercetak.



Scanned with CamScanner

## Bahagian A

[60 *markah*]

*Jawab* **semua** *soalan di bahagian ini.*

**1** (*a*) Maklumat berikut berkaitan dengan satu sumber ekonomi.

| *Sumber yang dicipta oleh manusia* |
|---|

(i) Nyatakan sumber ekonomi tersebut.

............................................................................................................................................

[1 *markah*]

(ii) Jelaskan sumber ekonomi di **1**(*a*)(i).

............................................................................................................................................

............................................................................................................................................

............................................................................................................................................

............................................................................................................................................

[3 *markah*]

(*b*) Maklumat berikut berkaitan dengan sistem ekonomi sebuah negara.

| *Individu dan pihak swasta berkuasa langsung dalam menentukan aktiviti ekonomi.* |
|---|

Terangkan ciri-ciri sistem ekonomi negara tersebut.

............................................................................................................................................

............................................................................................................................................

............................................................................................................................................

............................................................................................................................................

............................................................................................................................................

............................................................................................................................................

............................................................................................................................................

............................................................................................................................................

............................................................................................................................................

[6 *markah*]



Scanned with CamScanner

(*c*) **Rajah 1 berkaitan dengan keseimbangan pasaran bagi buku.**




**Rajah 1**

**Jelaskan keseimbangan pasaran tersebut.**

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

[6 *markah*]



Scanned with CamScanner

(*d*) Rajah 2 menunjukkan bentuk keluk permintaan bagi barang H.




Rajah 2

Jelaskan strategi firma untuk meningkatkan jumlah hasil barang tersebut.

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

[4 *markah*]

2 (*a*) Gambar 1 berkaitan dengan sektor ekonomi.



Gambar 1

Jelaskan kepentingan sektor ekonomi tersebut.

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

[4 *markah*]

(*b*) Maklumat berikut berkaitan dengan faktor yang mempengaruhi pemilihan pekerjaan.

| |
|---|
| *Hafizah merupakan anak seorang pendidik. Dia bekerja sebagai kerani jualan di Shah Alam dan menerima gaji* RM2 000 *sebulan. Pada bulan lalu, dia telah berhenti kerja dan membuat keputusan untuk bekerja sebagai guru tadika di Klang yang berhampiran dengan rumahnya. Gaji yang ditawarkan ialah* RM1 700 *sebulan.* |

Anda berpendapat Hafizah telah membuat keputusan yang bijak.
Kemukakan alasan anda.

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

[6 *markah*]



Scanned with CamScanner

(*c*) Maklumat berikut berkaitan dengan faktor yang mempengaruhi corak perbelanjaan pengguna.

> ***Penjawat Awam Dapat Insentif Awal* RM2 000 – PM**
>
> PUTRAJAYA: Bayaran Insentif Awal Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) sebanyak RM2 000 kepada semua penjawat awam gred 56 dan ke bawah dan RM1 000 kepada semua Jawatan Utama Sektor Awam termasuk pesara akan disalurkan secara sekali gus pada 23 Februari ini.
>
> Sumber diubah suai: *www.astroawani.com*, 6 *Februari* 2024

Bagaimanakah pemberian kerajaan di atas mempengaruhi corak perbelanjaan penjawat awam?

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

[4 *markah*]



Scanned with CamScanner

(*d*) Gambar 2 dan Gambar 3 berkaitan dengan strategi pelaburan.




Gambar 2




Gambar 3

Bezakan strategi pelaburan tersebut.

.................................................................................................................................

.................................................................................................................................

.................................................................................................................................

.................................................................................................................................

.................................................................................................................................

.................................................................................................................................

.................................................................................................................................

.................................................................................................................................

.................................................................................................................................

.................................................................................................................................

[6 *markah*]



Scanned with CamScanner

3 (*a*) Maklumat berikut berkaitan dengan satu tindakan kerajaan.

> KUALA LUMPUR, 8 April – Pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup merekod hanya satu kes melibatkan kesalahan kawalan harga menerusi Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Aidilfitri 2024 sejak dilaksanakan pada 5 April lepas.
>
> Sumber diubah suai: *https://www.bernama.com*, 8 *April* 2024

(i) Tindakan kerajaan tersebut berkaitan dengan satu peranan kerajaan.
Apakah peranan kerajaan tersebut?

..........................................................................................................................

[1 *markah*]

(ii) Bagaimanakah kerajaan melaksanakan peranan di 3(*a*)(i)?

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

[4 *markah*]



Scanned with CamScanner

(*b*) Maklumat 1 dan Maklumat 2 berkaitan dengan alat dasar ekonomi.

| Maklumat 1 | Maklumat 2 |
|---|---|
| Kadar faedah bank perdagangan diturunkan | Kadar cukai pendapatan persendirian diturunkan |

Bandingkan alat dasar kerajaan dalam Maklumat 1 dan Maklumat 2.

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

[5 *markah*]



Scanned with CamScanner

(*c*) Maklumat berikut berkaitan satu perjanjian perdagangan.

> Malaysia dan Korea Selatan menyambung semula Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Korea (MKFTA) yang dijangka dapat meningkatkan perdagangan dan pelaburan dua hala.
>
> Sumber diubah suai: *https://www.sinarharian.com.my*, 26 *Mac* 2024

Jelaskan kebaikan perjanjian perdagangan tersebut terhadap kerajaan Malaysia.

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

[6 *markah*]

(*d*) Jelaskan faktor yang mempengaruhi permintaan Ringgit Malaysia (RM).

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

[4 *markah*]



Scanned with CamScanner

## Bahagian B

[40 *markah*]

*Jawab mana-mana* **dua** *soalan sahaja di bahagian ini.*

**4** Maklumat berikut berkaitan dengan masalah pilihan bagi remaja.

> **Dilema anak muda, bekerja atau lanjut pelajaran**
>
> Ekonomi pastinya mengambil masa untuk pulih seperti sediakala selepas era pandemik Covid-19. Setiap orang terutamanya remaja mempunyai perancangan untuk mengembangkan potensi diri dengan sebaik mungkin dan terdapat banyak cara boleh diambil untuk merealisasikannya. Pada usia muda, para remaja menghadapi dilema sama ada untuk mengejar pengalaman bekerja atau melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi.
>
> Sumber diubah suai: *kosmo.com.my*, 1 *Disember* 2021

(*a*) Pilihan yang dibuat oleh remaja mempunyai implikasinya. Jelaskan. [5 *markah*]

(*b*) (i) Pilihan manakah yang boleh mempengaruhi pertumbuhan ekonomi negara pada masa kini? [1 *markah*]

(ii) Jelaskan jawapan anda di 4(*b*)(i). [5 *markah*]

(*c*) Setujukah anda remaja yang mengembangkan potensi diri akan lebih menguntungkan dirinya berbanding dengan pihak firma? Beri alasan. [9 *markah*]

**5** Maklumat berikut berkaitan dengan langkah kerajaan terhadap masalah bankrap.

> **Peluang kedua individu bankrap, Akta Insolvensi (Pindaan) 2023 berkuat kuasa esok**
>
> KUALA LUMPUR: Penguatkuasaan Akta Insolvensi (Pindaan) 2023 [A1695] akan dilaksanakan mulai 6 Oktober 2023. Penguatkuasaan Akta A1695 membuktikan keprihatinan kerajaan untuk memberikan peluang kedua kepada individu bankrap bagi meneruskan kehidupan dengan lebih baik dan seterusnya dapat kembali menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Langkah ini menyasarkan pelepasan kepada 130 000 orang bankrap.
>
> Sumber diubah suai: *Bernama*, 05 *Oktober* 2023

(*a*) Langkah tersebut dapat memastikan individu bankrap kembali menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Beri penjelasan anda. [5 *markah*]

(*b*) Bagaimanakah kadar faedah digunakan oleh Bank Negara Malaysia untuk mengurangkan peningkatan masalah tersebut? [6 *markah*]

(*c*) Setujukah anda individu boleh mengelakkan berlakunya masalah tersebut? Huraikan secara terperinci. [9 *markah*]



Scanned with CamScanner

6 Maklumat berikut berkaitan dengan perubahan cukai dalam Belanjawan 2024.

> KUALA LUMPUR: Pada pembentangan Belanjawan 2024 lalu, Perdana Menteri berkata kerajaan akan menaikkan kadar Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) kepada lapan peratus. Kenaikan cukai itu tidak termasuk perkhidmatan seperti makanan dan minuman serta telekomunikasi. Katanya, pertambahan pendapatan cukai negara itu akan membantu kerajaan mencapai matlamat mengurangkan defisit fiskal kepada yang disasarkan iaitu 4.3 peratus tahun ini berbanding 5.0 peratus pada tahun 2023.
>
> Sumber diubah suai: *bharian.com.my*, 13 *Februari* 2024

(*a*) Jelaskan jenis cukai yang mengalami perubahan dalam Belanjawan 2024. [6 *markah*]

(*b*) Mengapakah kerajaan perlu mencapai matlamat tersebut? [5 *markah*]

(*c*) Perubahan cukai tersebut memberi kesan terhadap perbelanjaan masyarakat. Setujukah anda dengan penyataan tersebut? Beri alasan. [9 *markah*]

7 Maklumat berikut berkaitan dengan perkembangan industri automotif di Malaysia.

> **Tesla Inc setuju jadikan Malaysia pusat penting pengeluaran EV**
>
> PUTRAJAYA: Tesla Inc bersetuju untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat penting pengeluaran kenderaan elektrik (EV) di rantau ini. Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Tesla Inc, dalam pertemuan secara maya dengan Perdana Menteri, menzahirkan persetujuan menubuhkan ibu pejabat Tesla di Cyberjaya. Perkembangan ini akan meningkatkan pemacuan ekonomi negara.
>
> Sumber diubah suai: *https://www.hmetro.com.my/*, 14 *Julai* 2023

(*a*) Mengapakah Malaysia dipilih oleh Tesla Inc sebagai pusat penting pengeluaran EV? [4 *markah*]

(*b*) Dengan bantuan rajah yang sesuai, jelaskan kesan perkembangan tersebut terhadap pasaran kenderaan elektrik (EV) di Malaysia. [7 *markah*]

(*c*) Aktiviti Tesla Inc akan meningkatkan pemacuan ekonomi negara. Bincangkan. [9 *markah*]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**



Scanned with CamScanner

RUANG JAWAPAN UNTUK BAHAGIAN B



Scanned with CamScanner

Scanned with CamScanner